

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. EWON EDIN
(RANAU)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK DR. EWON EDIN [RANAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) apakah pendirian Kerajaan ke atas tindakan pihak kastam untuk terus merekodkan jualan tembakau dan minuman beralkohol di pulau bebas cukai Labuan walaupun kabinet telah memutuskan sebaliknya ke atas perkara ini, pada mesyuarat kabinet November 2016; dan
- (b) pendirian Kerajaan atas dakwaan Tan Sri Harris Salleh bahawa Kerajaan Persekutuan melakukan "sabotaj ekonomi" ke atas Labuan melalui tindakan di atas.

JAWAPAN

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1) Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah melaksanakan langkah penstrukturan semula saluran penjualan rokok dan minuman keras serta kawalan ke atas kenderaan dengan mengkategorikan semula kemudahan Kedai Bebas Cukai (KBC) kepada kategori KBC I dan KBC II sebagai mekanisme kawalan bagi menangani isu ketirisan hasil dan penyeludupan di Pulau Bebas Cukai (PBC). Langkah tersebut antara lain termasuklah kawalan fizikal ke atas KBC I selama 6 bulan oleh Pegawai Kastam. KBC II pula diwujudkan meliputi kedai runcit, kedai kopi, restoran dan kafeteria yang dibenarkan menjual rokok dan minuman keras mengikut masa operasi perniagaan masing-masing atau mengikut masa operasi yang diluluskan di bawah Lesen Rumah Bir dan Lesen Rumah Awam.

2) Penempatan pegawai Kastam secara fizikal di KBC I bertujuan untuk merekod butir-butir pembeli dan kuantiti belian oleh pelanggan di dalam Sistem Semakan Kuota (SSK) yang dibangunkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Walaubagaimanapun, selepas tamat tempoh tersebut, pemegang lesen KBC I bertanggungjawab untuk merekodkan sendiri butir-butir pembeli dan kuantiti belian. Langkah ini bertujuan untuk memantau pembelian di KBC I yang bukan sahaja bertindak sebagai pengimport barangan bebas cukai tetapi turut menjadi pengedar kepada KBC II.

3) Penduduk tempatan atau pelancong tidak perlu mengemukakan kad pengenalan atau pasport masing-masing apabila membuat pembelian rokok dan minuman keras di KBC II memandangkan pembelian tersebut adalah bagi tujuan kegunaan persendirian semasa berada di PBC dan diberi kelonggaran atau fasilitasi untuk dijual secara *loose pack*.

4) Pelaksanaan kawalan ke atas saluran penjualan rokok dan minuman keras di KBC I dan KBC II adalah langkah yang dilaksanakan bagi membendung isu ketirisan hasil dan penyeludupan di PBC termasuklah Labuan. Justeru, dakwaan bahawa Kerajaan Persekutuan melakukan "sabotaj ekonomi" ke atas Labuan melalui tindakan di atas adalah tidak berbangkit memandangkan status bebas cukai di pulau Labuan masih kekal sepertimana juga di PBC yang selainnya.